

Newspaper	Berita Harian
Date	25/12/2012

Memastikan falsafah negara tidak dirobek

Keluhuran Perlembagaan junjung kedaulatan

BH-25/12/12

Keluhuran Perlembagaan adalah satu prinsip yang diisytiharkan dalam Rukun Negara. Keluhuran Perlembagaan disebut sebagai konsep ketiga dalam susunan Rukun Negara, iaitu selepas prinsip Kepercayaan kepada Tuhan dan Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Kita maklum bahawa Rukun Negara diperkenal selepas negara melalui saat getir 13 Mei 1969.

Antara lain, rukun negara itu bertujuan memelihara hidup demokratik dan mencapai perpaduan yang kental dalam kalangan rakyatnya. Walaupun Rukun Negara bukanlah dibuat dalam bentuk undang-undang formal yang diluluskan oleh Majlis Parlimen, ia diambil perhatian oleh mahkamah dalam beberapa kes. Prinsip Rukun Negara adalah inti pati Perlembagaan Persekutuan. Prinsip Rukun Negara itu semua berdasarkan kepada pengisian Perlembagaan Persekutuan.

Sebagai falsafah yang menjadi tonggak kepada kestabilan negara, konsep Keluhuran Perlembagaan hendaklah diperjelas, difahami, dihayati dan seterusnya dapat dimanfaatkan seluruh lapisan masyarakat.

Bagi memahami prinsip ini, perkataan 'luhur' itu ditafsirkan oleh Kamus Dewan sebagai 'mulia, tinggi dan agung'. Maka konsep Keluhuran Perlembagaan merujuk kepada prinsip memuliakan, memandang tinggi atau meletakkan Perlembagaan di tempat paling tinggi atau tempat teratas. Prinsip Keluhuran Perlembagaan ini berkait rapat dengan sifat Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara seperti disebut dalam Per. 4(1) Perlembagaan Persekutuan.

Simbol kemerdekaan negara

Perkara pertama yang perlu kita tahu ialah, Perlembagaan adalah simbol kemerdekaan negara. Tanpa sebuah Perlembagaan bertulis mana-mana negara yang ditadbir atau dikuasai oleh kuasa luar atau dijajah tidak dapat mengesakan kemerdekaan. Oleh itu, tanpa Perlembagaan, sebuah negara itu tidak akan mencapai kemerdekaan dan namanya tidak akan tertera dalam peta dunia. Kesannya ialah sesebuah negara itu tidak diiktiraf kedaulatannya oleh masyarakat dunia.

Begitu penting fungsi Perlembagaan itu. Dengan fungsi yang penting itulah juga Perlembagaan hendaklah diperakui dan dihormati keluhurannya.

Perlembagaan itu juga harus dimuliakan kerana ia bersifat sebagai satu bentuk perjanjian. Dalam konteks ne-

gara kita 'perjanjian' ini merujuk kepada kesepakatan antara penduduk atau rakyatnya dan juga perjanjian antara negeri-negeri yang membentuk Persekutuan.

Kita maklum sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan. Dalam proses kemerdekaan melalui sokongan majoriti rakyat pemimpin mahukan kemerdekaan dengan cara aman tanpa persenjataan atau pertumpahan darah. Proses yang dilalui itu mementingkan pembabit pelbagai pihak. Proses itu mementingkan perundingan yang seterusnya menghasilkan pemuafakatan dan persetujuan antara rakyat. Persetujuan itu dimeterai dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perjanjian perlu dihormati

Apa yang diisi dalam Perlembagaan Persekutuan itu adalah bentuk perjanjian yang hendaklah dihormati. Walaupun kedengaran kritikan terhadap proses kemerdekaan ini, kita telah menikmati hasil kemakmurnya.

Selain sebagai menjadi lambang kemerdekaan dan perjanjian, Perlembagaan hendaklah bersifat luhur kerana ia mencipta institusi negara atau dirujuk juga sebagai badan kerajaan. Institusi berkenaan ialah Perundangan (Parlimen), Kehakiman (Mahkamah) dan

Pelaksana (Eksekutif).

Selain mencipta institusi ini, Perlembagaan juga memberikan dan mengiktiraf kuasa mereka dan pada masa sama menyekat kuasa berkenaan. Ketiga-tiga institusi ini adalah penggerak kepada negara, oleh itu mereka hendak mempunyai kuasa. Hanya Perlembagaan yang boleh menganugerahkan institusi ini kuasa terbabit.

Namun, walaupun diberikan kuasa institusi ini tidak boleh mempunyai kuasa mutlak. Seperti kita maklum, kuasa mutlak terdedah kepada penyalahgunaan. Maka, Perlembagaan juga mempunyai kuasa tertinggi untuk meletakkan sekatan terhadap kuasa institusi berkenaan.

Perlembagaan juga menggariskan ideologi atau falsafah negara. Ideologi dan falsafah negara adalah ramuan penting bagi pembentukan dan kelangsungan kedaulatan negara. Dalam keadaan ini Perlembagaan hendaklah sentiasa mempunyai sifat luhur supaya ideologi dan falsafah negara tidak mudah dirobek.



Penulis

ialah Prof Madya Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim UIAM